

Tawaran harga 'mampu milik'

➔ Nurzulaikha tubuh dua salun di bawah jenama Zue Beauty Saloon

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kemahiran dandan diri yang dipelajari dek kerana minat mendalamnya terhadap bidang kecantikan, tidak disia-siakan Nurzulaikha Raduan, 25, apabila menuhkan dua salun di bawah jenama Zue Beauty Saloon.

Berbekalkan sijil kursus latihan diterimanya dari agensi diiktiraf, mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Korporat Universiti Putra Malaysia (UPM) itu tidak teragak-agak mengeluarkan wang simpanan sebanyak RM8,000 sebagai modal untuk menceburi perniagaan salun sejak September lalu.

Beliau berkata, salun itu beroperasi di dua ruang kedai di kampus UPM, iaitu Kolej Tun Dr Ismail dan Kompleks Akademik A.

"Tapak salun ini saya dapat secara percuma hasil tawaran diberikan Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) UPM



Zulaikha sentiasa memastikan perkhidmatan ditawarkan memuaskan hati pelanggan

kerana pembabitan aktif saya dalam bidang keusahawanan sejak awal pengajian di universiti.

"Salun di Kolej Tun Dr Ismail menawarkan perkhidmatan kecantikan dari hujung rambut ke hujung kaki, seperti sauna, urutan, gunting rambut, rawatan wajah dan solekan.

"Salun di Kompleks Akademik A pula, saya menyediakan servis khusus untuk rambut, iaitu gunting, cuci, meluruskan, membentuk stail, stim dan mewarna," katanya.

Pantau perkhidmatan

Norzulaikha berkata, tarikan salun yang dibuka kepada pelanggan wanita dan lelaki itu adalah kualiti perkhidmatannya yang memuaskan hati pelanggan,

info

Waktu Operasi Zue Beauty Saloon

- ➔ Kolej Tun Dr Ismail
- ➔ 10 pagi hingga 8.30 malam
- ➔ Kompleks Akademik A
- ➔ 10 pagi hingga 5 petang

malah harga dicaj adalah 'mampu milik'.

Beliau berkata, memandangkan salun ini rata-rata dikunjungi warga kampus, terutama mahasiswa, beliau mengenakan harga yang tidak membebaskan mereka.

Katanya, harga perkhidmatan ditawarkan adalah antara RM10, iaitu mencuci rambut hingga RM150 bagi servis meluruskan rambut.

"Saya akan memantau perkhidmatan diberikan supaya pelanggan melangkah keluar dari kedai dengan perasaan puas hati.

"Bagi memastikan kualiti perniagaan sentiasa berada pada tahap terbaik, enam pekerja yang terdiri daripada mahasiswa dibekalkan dengan kemahiran secara teliti," katanya.



Pemilik Zue Beauty Saloon, Nurzulaikha.



Kekemasan dititikberatkan menjadi daya penarik dan keselesaan kepada pelanggan.